KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE,TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

TARIKH	AHAD, 27 NOVEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	ELAK CAMPUR TANGAN POLITIK DALAM PERKHIDMATAN AWAM
M/S	1 & 3
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Surat terbuka untuk Anwar Ibrahim

Elak campur tangan politik dalam perkhidmatan awam

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) menggesa Kerajaan Perpaduan yang dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim memastikan tidak berlaku campur tangan politik dalam proses lantikan anggota perkhidmatan awam, pengurusan pentadbiran dan kewangan terutamanya dalam urusan pemberian kontrak.

Menerusi satu surat terbuka kepada Perdana Menteri ke-10 semalam, Presiden Alumni PTD, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata penemuan audit sebelum ini menunjukkan ketirisan berterusan dan kerugian yang besar ditanggung kerajaan disebabkan ketidakpatuhan kepada prosedur operasi kewangan yang standard akibat gangguan itu.

"Dalam hal ini, semua Ketua Setiausaha kementerian dan ketua jabatan hendaklah dibenarkan untuk mengurus fungsi dan tanggungjawab mereka sebagai pegawai pengawal sewajarnya mengikut peraturan dan prosedur serta tanpa rasa takut atau pilih kasih," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah mustahak untuk kerajaan menggubal Akta Perkhidmatan Awam, seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang profesional dengan persempadanan fungsi, bidang kuasa dan tanggungjawab jelas antara pihak pentadbiran dan perkhidmatan awam.

Nasional 3

"Semua KSU dan ketua jabatan hendaklah dibenarkan mengurus fungsi dan tanggungjawab sebagai pegawai pengawal sewajarnya mengikut peraturan dan prosedur serta tanpa rasa takut atau pilih kasih"

Tan Sri Abdul Halim Ali,
Presiden Alumni PTD

Perkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam

Dari Muka 1

Ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH) pada 2018, ada dakwaan berlaku campur tangan politik dalam pentadbiran awam, khususnya membabitkan pertukaran dan pelantikan pegawai kanan kerajaan.

Ini termasuk menggantikan beberapa Ketua Setiausaha (KSU) kementerian atas alasan menyokong parti politik tertentu, selain melantik orang politik sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan orang luar sebagai Peguam Negara.

Alumni PTD adalah sebuah persatuan bekas pegawai-pegawai kanan PTD yang berpengalaman dan pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam perkhidmatan awam negara.

Abdul Halim yang juga bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN) berkata, untuk berjaya menguruskan proses pemulihan ekonomi, antara tindakan yang perlu diambil adalah kerjasama antara pentadbiran dan perkhidmatan awam dalam menangani isu kos sara hidup, peluang pekerjaan, hutang negara yang meningkat dan keperluan menambah hasil pendapatan bagi menampung perbelanjaan mengurus.

"Pihak pentadbiran dan perkhidmatan awam perlu lebih serius terhadap keperluan penjimatan, malah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam perlu menjadi keutamaan," katanya.

Bertugas secara profesional

Alumni PTD berpandangan, untuk perkhidmatan awam menjadi cekap dan berkesan dalam meningkatkan sistem penyampaian, adalah penting untuk memastikan ia mempunyai kapasiti, keupayaan dan keyakinan untuk berkhidmat dengan baik bagi kerajaan semasa.

"Tidak kurang juga pentingnya bagi anggota perkhidmatan awam diberi keyakinan bahawa mereka dipercayai dan disokong pihak pentadbiran dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab dengan profesional.

"Untuk tujuan ini pihak pentadbiran dan perkhidmatan awam harus berusaha memperkukuh tadbir urus yang baik melalui kajian semula Perintah Am, Arahan Kewangan dan peraturan lain berdasarkan semangat bersih, cekap dan amanah.

"Setiap anggota perkhidmatan awam mestilah mengangkat sumpah perkhidmatan sebagai bukti komitmen mereka terhadap tadbir urus yang baik dan berintegriti dalam memberi khidmat kepada negara.

"Perlu ada komitmen menyeluruh pentadbiran dan perkhidmatan awam untuk memerangi rasuah yang menjadi kebimbangan serius kalangan rakyat," katanya.

Perkhidmatan awam negara perlu bebas daripada campur tangan politik bagi memastikan fungsinya tidak terganggu dan terus memberi khidmat terbaik kepada rakyat. (Foto hiasan)

Tambah beliau, Alumni PTD juga menggesa kerajaan melaksanakan kajian semula institusi dan organisasi yang menyeluruh terhadap perkhidmatan awam, memandangkan perubahan teknologi yang pesat, revolusi digital dan megatrend global.

"Terdapat juga keperluan untuk mengkaji semula pakej imbuhan dan emolumen bagi anggota pentadbiran dan perkhidmatan awam supaya dapat dipastikan ianya setara dengan pekerjaan, kelayakan, prestasi dan kemampuan mereka," katanya.

Beliau berkata, semua isu ini perlu ditangani segera bagi mempercepatkan proses pemulihan negara, segera mencapai matlamat pembangunan negara dan memenuhi keperluan serta aspirasi rakyat.

Abdul Halim berkata, negara memerlukan satu pasukan anggota pentadbiran dan perkhidmatan awam yang kuat, cekap, berkesan, profesional, berdaya tahan dan berintergriti serta mempunyai nilai moral yang tinggi.

"Pasukan inilah yang akan membolehkan kita memenuhi objektif asas usaha pembangunan negara yang bertujuan untuk memperbaiki kualiti hidup rakyat," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	**1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM** **2-CARLOS LINTON (S19), BPM** UNIT PERPUSTAKAAN, BPM